

**TEKS UCAPAN ALUAN**

**YANG BERTHORMAT DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI  
PENGERUSI LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA**

**SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN DEWAN DAN  
MAJLIS SANJUNGAN JASA  
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA**

**PADA 18 NOVEMBER 2021**

**TERIMA KASIH SAUDARA PENGACARA MAJLIS,**

**YANG BERHORMAT DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF  
MENTERI KANAN KERJA RAYA**

**YANG BERBAHAGIA DATUK DR. SYED OMAR SHARIFUDDIN BIN  
SYED IKHSAN  
KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KERJA RAYA**

**YANG BERBAHAGIA DATO' IR MOHD. SHUHAIMI BIN HASSAN  
KETUA PENGARAH LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA**

**YANG BERBAHAGIA DATO' IR. HAJI MOHAMAD ZULKEFLY BIN  
SULAIMAN  
KETUA PENGARAH KERJA RAYA**

**YANG BERBAHAGIA DATUK IR. AHMAD 'ASRI ABDUL HAMID  
KETUA EKSEKUTIF LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI  
PEMBINAAN**

**YANG BERBAHAGIA DATUK WAN AHMAD UZIR BIN HJ WAN  
SULAIMAN  
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (DASAR DAN PEMBANGUNAN)  
KEMENTERIAN KERJA RAYA**

**YANG BERBAHAGIA DATO' AHMAD NADZRI BIN EMBONG  
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PENGURUSAN) KEMENTERIAN  
KERJA RAYA**

**YANG BERBAHAGIA DATUK/DATO'/TUAN AHLI LEMBAGA  
PENGARAH LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA**

**YANG BERBAHAGIA DATUK AZMAN BIN ISMAIL  
YANG DIPERTUA PERSATUAN SYARIKAT-SYARIKAT KONSESI  
LEBUHRAYA MALAYSIA**

**YANG DIRAIKAN PESARA-PESARA LEMBAGA LEBUHRAYA  
MALAYSIA**

**PEGAWAI-PEGAWAI LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA**

**ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH,  
SALAM SEJAHTERA DAN SALAM KELUARGA MALAYSIA**

**YANG BERHORMAT DATO' SRI, YANG BERBAHAGIA DATO', TUAN-  
TUAN DAN PUAN-PUAN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN.**

**1. PERTAMANYA, BERSYUKUR KITA KE HADRAT ILAHI  
KERANA DENGAN IZIN DAN LIMPAH KURNIANYA KITA  
BERPELUANG UNTUK HADIR DAN MENYAKSIKAN MAJLIS  
PERASMIAN DEWAN LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA (LLM)  
DAN MAJLIS SANJUNGAN JASA PADA HARI INI YANG DIADAKAN  
SECARA BERSEMUKA DAN JUGA SECARA MAYA MELALUI  
*FACEBOOK LIVE LLM.***

**2. IZINKAN SAYA TERLEBIH DAHULU UNTUK MENGALU-  
ALUKAN TETAMU KEHORMAT KITA, YANG BERHORMAT DATO'**

**SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF, MENTERI KANAN KERJA RAYA ATAS KESUDIAN YANG BERHORMAT DATO' SRI HADIR DAN SETERUSNYA MERASMIKAN DEWAN LLM PADA PAGI YANG BERTUAH INI. KEDATANGAN YANG BERHORMAT DATO' SRI KE LLM AMAT DIALU-ALUKAN OLEH SELURUH WARGA LLM. KAMI AMAT BERBESAR HATI DAN BERTUAH KERANA KEHADIRAN YANG BERHORMAT DATO' SRI KE LLM PASTINYA DAPAT MEMBERI PELUANG KEPADA WARGA LLM BERSUA MUKA DAN MENGENALI YANG BERHORMAT DATO' SRI DENGAN LEBIH DEKAT LAGI. KEHADIRAN SEORANG PEMIMPIN YANG BERKALIBER DAN BERJIWA BESAR SEPERTI YANG BERHORMAT DATO' SRI PASTI JUGA MEMBERI INSPIRASI KEPADA WARGA LLM UNTUK DIJADIKAN CONTOH TELADAN YANG BAIK.**

**3. SAYA JUGA INGIN MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA YANG BERHORMAT DATO' SRI DAN JUGA KEMENTERIAN KERJA RAYA (KKR), JABATAN KERJA RAYA (JKR) DAN LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN (CIDB) KERANA SENTIASA MEMBERI NASIHAT, PANDUAN DAN BANTUAN KEPADA LLM DAN SYARIKAT-SYARIKAT KONSESI LEBUH RAYA DALAM MELAKSANAKAN OBLIGASI DAN TANGGUNGJAWAB KAMI. DENGAN SOKONGAN DAN KHIDMAT NASIHAT YANG DIBERIKAN DAPAT MEMBANTU KAMI UNTUK TERUS MENINGKATKAN KECEMERLANGAN INDUSTRI LEBUH RAYA DI PERSADA ANTARABANGSA.**

## **MAJLIS PERASMIAN DEWAN TAN SRI M.YUSOFF, LLM**

**4. DI SINI, SAYA INGIN MERAKAMKAN UCAPAN TAHNIAH DAN SYABAS KEPADA LLM KERANA TELAH BERJAYA MENYIAPKAN DEWAN LLM YANG BAHARU INI. SAYA DIFAHAMKAN DEWAN INI TELAH DISIAPKAN MENGIKUT JADUAL PADA 31 MAC 2021, NAMUN DISEBABKAN PANDEMIK COVID-19 MAJLIS PERASMIAN DEWAN INI TERPAKSA DITANGGUHKAN SEHINGGA KE HARI INI.**

**5. UNTUK MAKLUMAN SEMUA, DEWAN BAHARU INI MENYEDIAKAN SUSUN ATUR RUANG YANG LEBIH SELESA DAN MENARIK UNTUK MENJALANKAN PELBAGAI PROGRAM/AKTIVITI LLM. SELAIN ITU, REKA BENTUK DALAMAN DAN LUARAN DEWAN YANG BERWAJAH BAHARU INI PASTINYA DAPAT MENINGKATKAN IMEJ KORPORAT LLM.**

**6. SAYA PERCAYA DEWAN SERBA BAHARU INI YANG DILENGKAPI DENGAN PELBAGAI KEMUDAHAN BERIADAH SEPERTI GELANGGANG BADMINTON, BOLA JARING, GIMNASIUM DAN RUANG *INDOOR GAMES* AKAN MENJADI KEBANGGAAN SELURUH WARGA KERJA LLM. SAYA JUGA BERHARAP AGAR SEGALA KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN INI DAPAT DIJAGA DAN DIGUNAKAN SEBAIK-BAIKNYA BAGI AKTIVITI YANG BERMANFAAT.**

## **MAJLIS SANJUNGAN JASA**

**YANG BERHORMAT DATO' SRI, YANG BERBAHAGIA DATO', TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN.**

**7. PADA HARI INI JUGA, KITA TURUT MERAIKAN 17 ORANG PEGAWAI YANG TELAH BERSARA DARI PERKHIDMATAN AWAM PADA TAHUN 2020 DAN 2021. SAYA AMAT BERTERIMA KASIH DI ATAS SUMBANGAN BAKTI TUAN DAN PUAN SEPANJANG BERKHIDMAT DI LLM. SESUNGGUHNYA PERTEMUAN PADA HARI INI ADALAH PENTING DALAM KONTEKS MENGUKUHKAN SEMANGAT SETIA KAWAN, KERJASAMA YANG BERTERUSAN ANTARA KITA BAGI MENDUKUNG ASPIRASI, VISI DAN MISI UNTUK MENJADIKAN LLM PENERAJU INDUSTRI LEBUH RAYA BERTOL TERBAIK DI RANTAU INI.**

**8. SAYA YAKIN BAHAWA TUAN DAN PUAN DI SINI YANG SEDANG MELALUI DUNIA PERSARAAN MASING-MASING MEMPUYAI PERANCANGAN YANG TERSENDIRI. WALAU APA JUA PERKARA ATAU BIDANG YANG DICEBURI, HENDAKLAH KITA MERANCANG DAN MELAKUKANNYA DENGAN PENUH SEMANGAT, BERDASARKAN KEMAMPUAN DAN TAHAP KESIHATAN MASING-MASING.**

**9. JIKA SELAMA INI TUAN DAN PUAN SEMUA TELAH TERBIASA DENGAN KESIBUKAN DI PEJABAT, SAYA BERHARAP GAYA HIDUP YANG AKTIF ITU TERUS DIKEKALKAN, DI SAMPING MENGAWAL PEMAKANAN DAN MENJAGA KESIHATAN. MANFAATKAN**

**PERSARAAN INI SEBAIKNYA, SAMA ADA DENGAN BEREHAT, MELUANGKAN MASA BERKUALITI BERSAMA KELUARGA TERSAYANG ATAU MELAKUKAN AKTIVITI KEMASYARAKATAN.**

**10. TELAH MENJADI LUMRAH KEHIDUPAN, SETIAP PERTEMUAN AKAN ADA PERPISAHAN. SEMOGA ALLAH SWT MELIMPAHKAN RAHMAT DAN MAGFIRAH-NYA KEPADA KITA SEMUA, DIPANJANGKAN UMUR, DIBERI KESIHATAN YANG BAIK DAN DIKURNIAKAN KEBAHAGIAAN BERPANJANGAN. SUMBANGAN DAN USAHA YANG TELAH DIBERIKAN PASTINYA AKAN TERUS DIKENANG DAN SEMOGA PERSAHABATAN YANG TERJALIN SEPANJANG PERKHIDMATAN TIDAK AKAN TERHENTI DI SINI MALAH AKAN TERUS BERKEKALAN.**

**11. SEBELUM MENGAKHIRI UCAPAN, SEKALI LAGI SAYA MEWAKILI WARGA LLM MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA YANG BERHORMAT DATO' SRI MENTERI KANAN KERJA RAYA DI ATAS KESUDIAN BERSAMA-SAMA KITA PADA PAGI INI. KEPADA PESARA LLM, SAYA MENDOAKAN AGAR TUAN DAN PUAN SENTIASA SIHAT SEJAHTERA, MAJU JAYA DAN DIBERKATI DALAM MENJALANI KEHIDUPAN BAHARU.**

**SEKIAN, WABILAHITTAUFIK WALHIDAYAH  
WASSALAMMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH**